



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 14/2009**

**Penyampaian Ganti (*Substituted Service*) Notis Yang Dikeluarkan
Oleh Pemegang Gadaian**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 14/2009**

**Penyampaian Ganti (*Substituted Service*) Notis Yang Dikeluarkan
Oleh Pemegang Gadaian**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pendaftar-pendaftar hakmilik dan Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai penyampaian ganti (*substituted service*) bagi notis-notis yang dikeluarkan oleh pemegang gadaian seperti berikut:-

- i) Borang 16D (seksyen 254) — Notis kemungkiran mengenai sesuatu gadaian (*Notice Of Default With Respect To A Charge*)
- ii) Borang 16E (seksyen 255) — Tuntutan bayaran wang pokok (*Demand For Payment Of Principal Sum*)
- iii) Borang 16J (seksyen 272) — Notis mengambil milik: dengan cara menerima sewa (*Notice Of Entry into Possession: By Receiving Rents*)
- iv) Borang 16K (seksyen 272) — Notis mengambil milik: dengan cara menduduki (*Notice Of Entry into Possession: By Going Into Occupation*)

2. Jika notis-notis di atas tidak dapat diserahkan kepada Penggadai secara persendirian atau dikembalikan oleh Pejabat Pos sekiranya notis itu dikirimkan dengan Pos Berdaftar, penyampaian notis itu boleh dibuat melalui Notis Penyampaian Ganti (*Substituted Service*) mengikut seksyen 432 KTN.

3. Bagi tanah yang didaftarkan di bawah Hakmilik Pejabat Tanah, Pemegang gadaian hendaklah memohon kepada Pentadbir Tanah untuk menyampaikan notis-notis tersebut di atas mengikut cara Notis Penyampaian Ganti (*Substituted Service*) di bawah seksyen 432 KTN.

4. Bagi tanah yang didaftarkan di bawah hakmilik Pejabat Pendaftar, Pemegang gadaian hendaklah memohon kepada Pendaftar untuk menyampaikan notis-notis tersebut di atas mengikut cara Notis Penyampaian Ganti (*Substituted Service*) di bawah seksyen 432 KTN.

5. Setelah mendapat perintah daripada Pentadbir Tanah atau Pendaftar Hakmilik, Notis Penyampaian Ganti (*Substituted Service*) hendaklah dilaksanakan sendiri oleh Pemegang Gadaian.

6. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 29/2009. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 2/1968 dan 4/1968 dibatalkan.



(DATO' ABD HALIM BIN AIN)
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

No. Fail: JKPTG/101/KPU/779 Jld. 4
Tarikh: 31 Disember 2009